

1.0 MAKLUMAT UTAMA DANA

1.1 Konsep Syariah

Wakalah Bil Istithmar

1.2 Mata wang Pelaburan

Ringgit Malaysia

1.3 Mula Diperkenalkan

25 Oktober 2023

1.4 Klasifikasi Dana

Akaun Pelaburan Tidak Terhad merujuk kepada jenis akaun pelaburan yang mana pemegang akaun pelaburan (*Investment Account Holder (IAH)*) memberikan mandat kepada Bank untuk membuat keputusan muktamad bagi membuat pelaburan tanpa menetapkan sebarang sekatan atau syarat tertentu.

1.5 Gambaran Keseluruhan Produk

Pelaburan impak berdasarkan nilai ini direka untuk memperkuuhkan ekonomi yang positif terhadap alam sekitar dan memastikan pertumbuhan inklusif di kalangan masyarakat kita. Selain memberikan pulangan kewangan kepada pelabur dan pelanggan pembiayaan, pelaburan ini juga memberi manfaat kepada penerima sumbangan atau zakat.

Pasaran pelaburan impak yang berkembang menyediakan modal untuk menangani cabaran-cabaran negara, termasuk menyokong sektor-sektor seperti tenaga boleh diperbaharui, pengangkutan bersih, serta perkhidmatan asas yang terjangkau dan mudah diakses seperti perumahan, penjagaan kesihatan, utiliti, dan pendidikan.

1.6 Objektif Pelaburan

Untuk menyediakan penyelesaian pelaburan yang berbeza berdasarkan kelas aset baru, melalui dalam pembiayaan bukan runcit dan selaras dengan matlamat Pembangunan Lestari Bangsa-Bangsa Bersatu (UN's Sustainable Development Goals (SDG)).

1.7 Strategi Pelaburan Dana

Pelaburan risiko sederhana untuk mencapai pemeliharaan modal dan pulangan yang stabil.

1.8 Ciri-Ciri Akaun Pelaburan

Akaun Pelaburan Berjangka selama dua puluh empat (24) bulan tetap.

1.9 Butiran Aset Pelaburan

- Dana akan dilaburkan dalam pelbagai portfolio aset bukan runcit Bank, yang sejajar dengan objektif Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertumbuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan klasifikasi rangka kerja Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (CCPT) Bank Negara Malaysia (BNM).
- Sektor tersebut antara lain terdiri daripada tenaga boleh diperbaharui, pembiayaan hijau, pengangkutan bersih, air bersih dan sanitasi, dan sektor yang menyumbang kepada matlamat bandar dan komuniti lestari.

1.10 Penilaian Aset Yang Diperuntukkan

Penilaian akan dijalankan setiap bulan sebagai sebahagian daripada proses untuk menentukan pulangan kepada pelabur. Pulangan daripada pelaburan ini dipengaruhi oleh prestasi aset yang diperuntukkan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kualiti aset (iaitu pembiayaan terjejas) dan pergerakan Kadar Keuntungan Efektif (EPR) berkaitan aset pembiayaan yang ditetapkan berdasarkan kaedah kadar terapung dan lain-lain. Amaun prinsipal dan pulangan tidak dijamin dan pemegang akaun pelaburan berhadapan risiko tidak mendapat sebarang pulangan. Akaun pelaburan ini tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

Walau bagaimanapun, produk ini telah distruktur untuk mengurangkan risiko kehilangan prinsipal. Sekiranya berlaku senario pencairan, pemegang akaun pelaburan akan diberi keutamaan berbanding pendeposit.

1.11 Polisi Pembayaran / Frekuensi Pembayaran Keuntungan

Keuntungan akan dibayar setiap enam bulan sekali.

1.12 Penyata Berhubung Sebarang Perubahan

Tiada perubahan pada objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan dalam tempoh suku tahunan.

1.13 Profil Pelabur

- Bukan Runcit** (Tidak termasuk rakan kongsi antara bank, perniagaan tunggal, dan Usahawan Kecil dan Sederhana (SME)).
- Runcit** (terhad kepada Individu Berpendapatan Tinggi).

Nota: Para pelabur dinasihatkan supaya mempertimbangkan semua faktor risiko dengan teliti sebelum membuat keputusan pelaburan. Pelabur akan berhadapan risiko berikut; risiko pasaran, risiko kredit, risiko kecairan, risiko operasi, risiko undang-undang dan risiko ketidakpatuhan Syariah. Untuk penjelasan lanjut mengenai setiap risiko, sila layari laman web Bank Islam.

2.0 PENYATA RISIKO

Lembaga Pengarah Bank Islam mempunyai tanggungjawab utama untuk menguruskan risiko operasi dan aktiviti perniagaannya dengan menetapkan kecenderungan dan tahap toleransi risiko yang konsisten dengan objektif keseluruhan perniagaan Bank serta profil risiko yang diingini. Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Pengurusan bagi Kawalan Risiko untuk memastikan terdapat pengawasan berkesan terhadap pembangunan strategi, dasar, prosedur dan infrastruktur untuk menguruskan risiko Bank.

3.0 PRESTASI DANA

3.1 Saiz Dana

ISIA ditawarkan dalam tiga (3) Tempoh Tawaran untuk tiga (3) Tempoh Pelaburan yang berbeza seperti berikut:

No	Tempoh Tawaran	Tempoh Pelaburan
1	25/10/2023 – 24/11/2023	27/11/2023 – 26/11/2025
2	27/11/2023 – 14/12/2023	15/12/2023 – 15/12/2025
3	15/12/2023 – 26/12/2023	27/12/2023 – 26/12/2025

Pada Jun 2024, baki dana ISIA telah direkodkan sebanyak RM 1.13 bilion.

3.2 Kadar Pulangan

Tempoh	Pulangan Pelaburan (ROI) ¹ % (p.a.)	Sebelum Kontribusi kepada Impak Sosial*
Apr'24	4.50%	
Mei'24	4.50%	
Jun'24	4.50%	


¹ROI - Berdasarkan Kadar Keuntungan Dijangka (EPR) semasa pelaburan dana atau Kadar Keuntungan Sebenar (APR) (mana-mana yang lebih rendah), tertakluk kepada Terma dan Syarat.

*Sumbangan impak sosial sebanyak 2.50% daripada pulangan pelaburan ISIA akan disalurkan sama ada kepada Zakat atau Sadaqa House.

Nota:

Untuk penjelasan lanjut, sila rujuk Risalah Pendedahan Produk (PDS), Terma & Syarat dan Notis Pengesahan Pelaburan (yang mana berkenaan).

3.3 Sejarah Kadar Pulangan



¹ ROI (sebelum) – Pulangan Pelaburan (ROI) % (p.a.) sebelum sumbangan impak sosial


² ROI (selepas) - Pulangan Pelaburan (ROI) % (p.a.) selepas sumbangan impak sosial

Nota: Kadar di atas adalah kadar purata pulangan dalam peratusan (%) bagi setiap suku tahunan.

3.3 Penyata Pendapatan


Penyata Pendapatan Bagi Suku Tahun Berakhir 30 Jun 2024			
	April	Mei	Jun
	RM'000	RM'000	RM'000
Jumlah Pendapatan Kasar	4,858	5,024	4,834
Pendapatan Boleh Agih Bersih	5,047	5,132	5,008
Jumlah yang diperuntukkan kepada Pemegang Akaun Pelaburan (sebelum kontribusi kepada impak sosial)	4,189	4,328	4,189

3.4 Peruntukan Aset Mengikut Sektor




Peruntukan aset berada dalam objektif pelaburan dan strategi yang dinyatakan.

3.5 Portfolio Pembiayaan Mengikut Baki Tempoh Matang Aset



Sebahagian besar portfolio pembiayaan mempunyai tempoh matang lebih daripada 7 tahun. Ini akan memastikan kestabilan dalam aliran keuntungan portfolio untuk tempoh pelaburan tetap 2 tahun, yang kemudiannya boleh memberi manfaat kepada jangkaan pulangan pelaburan IAH.

3.6 Prestasi Kualiti Aset



Nisbah Pembangunan Terjejas Kasar (GIF) untuk Perbankan Institusi Kumpulan Bank Islam adalah 1.35% pada Jun'24, lebih rendah daripada industri perbankan, mencerminkan portfolio kualiti aset yang kukuh.

4.0 LAPORAN IMPAK SUMBANGAN SOSIAL

ISIA memperkasakan pelabur untuk menggalakkan ekonomi yang positif terhadap alam sekitar yang memperkuat ketahanan alam sekitar dan mempromosikan pertumbuhan masyarakat yang inklusif, serta menggabungkan ciri unik sumbangan impak sosial. Selaras dengan objektifnya sebagai pelaburan impak, ISIA bercita-cita untuk memberikan perbezaan yang bermakna kepada penerima manfaat yang relevan, di samping mencipta kekayaan untuk para pelabur. ISIA memasukkan ciri khas di mana 2.50% daripada Pulangan Pelaburan ISIA akan disalurkan sama ada kepada Zakat atau Sadaqa House, dibayar setiap tahun, di mana Bank Islam bertindak sebagai ejen kepada IAH dalam menguruskan peruntukan dan pembayaran sumbangan Zakat atau Sadaqa House bagi pihak IAH:

- Untuk Individu Muslim:** 2.5% daripada keuntungan akan disumbangkan kepada Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ MAIWP) sebagai pembayaran Zakat setiap tahun.
- Untuk Individu bukan Muslim dan entiti bukan Individu:** 2.5% daripada keuntungan akan disumbangkan kepada pemangkin perubahan yang terpilih melalui Sadaqa House. Sebagai alternatif, entiti bukan Individu juga boleh memilih untuk menyumbangkan 2.5% daripada keuntungan kepada dana iTEKAD melalui Sadaqa House

Ringkasan tentang Sadaqa House

Melalui Sadaqa House, Bank menyediakan perkhidmatan nilai tambah untuk mengumpul, mengurus dan mengagihkan sumbangan daripada orang ramai dengan menyalurkan dana tersebut kepada projek-projek yang dikendalikan oleh Bank Islam sejak tahun 2018, yang kini menjadi pemangkin agenda kewangan sosial Bank Islam. Sejak penubuhannya hingga 31 Disember 2023, Sadaqa House telah mengumpul lebih RM33.26 juta dalam sumbangan dan merekodkan agihan sebanyak RM22.94 juta secara keseluruhan, mencapai lebih 17,000 penerima manfaat. Dari jumlah agihan tersebut, RM18.22 juta telah diagihkan kepada 851 usahawan mikro yang kurang mendapat perkhidmatan perbankan dan golongan B40 di bawah program iTEKAD dan melalui kerjasama dengan pemangkin perubahan yang terpilih Sadaqa House telah memberdayakan 29 usahawan wanita di Kedah dengan menyediakan geran peralatan perniagaan berjumlah RM73,345.79 secara kumulatif.

Sadaqa House bermula sebagai platform pengumpulan dana kebaikan di mana penderma berpotensi dan projek kebaikan bertemu di satu titik yang dikendalikan oleh Bank Islam sejak tahun 2018, yang kini menjadi pemangkin agenda kewangan sosial Bank Islam. Sejak penubuhannya hingga 31 Disember 2023, Sadaqa House telah mengumpul lebih RM33.26 juta dalam sumbangan dan merekodkan agihan sebanyak RM22.94 juta secara keseluruhan, mencapai lebih 17,000 penerima manfaat. Dari jumlah agihan tersebut, RM18.22 juta telah diagihkan kepada 851 usahawan mikro yang kurang mendapat perkhidmatan perbankan dan golongan B40 di bawah program iTEKAD dan melalui kerjasama dengan pemangkin perubahan yang terpilih Sadaqa House telah memberdayakan 29 usahawan wanita di Kedah dengan menyediakan geran peralatan perniagaan berjumlah RM73,345.79 secara kumulatif.

5.0 SOROTAN & PROSPEK PASARAN

5.1 Prospek Ekonomi

Momentum pertumbuhan Malaysia setakat ini selaras dengan jangkaan kami pada awal tahun. Menurut anggaran awal rasmi, pertumbuhan KDNK pada 2Q2024 telah meningkat kepada 5.8% dari segi tahunan, peningkatan daripada 4.2% pada 1Q2024, menjadikan pertumbuhan keseluruhan pada 1H2024 kepada 5.0% (1H2023: 4.1%). Data terkini menunjukkan keadaan ekonomi yang kukuh, menyokong pandangan bahawa ekonomi akan terus berkembang berikutan pengakhiran kitaran menurun semikonduktor global, peningkatan perbelanjaan pelaburan sejajar dengan agenda pembangunan ekonomi jangka sederhana oleh kerajaan, dan perbelanjaan isi rumah yang masih berdaya tahan. Eksport barang elektronik dan elektrik (E&E) telah bertukar positif pada 2Q2024, melonjak sebanyak 2.0% selepas merekodkan penguncutan bagi empat suku berturut-turut. Peningkatan ini dijangka akan berterusan dan meningkatkan eksport bersih, yang telah mengheret pertumbuhan sepanjang 2023, dan berpotensi menjadi penyumbang positif untuk bulan-bulan akan datang. Pelaburan juga semakin mendapat tarikan dengan peningkatan berita-berita mengenai pelaburan langsung asing (FDI) ke dalam projek-projek taman reka bentuk litar bersepadu (IC), pusat data dan tenaga boleh diperbaharui di Malaysia setakat ini. Walaupun kebimbangan mengenai kos sara hidup yang lebih tinggi dapat menjasakan sentimen pengguna, Akaun Fleksibel (Akaun 3) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang baru dilancarkan, yang membenarkan pengguna melakukan pengeluaran dana pada bila-bila masa, akan memberikan sokongan tambahan kepada perbelanjaan isi rumah, di samping keadaan pasaran buruh yang kukuh dan inisiatif pemindahan tunai yang dilaksanakan oleh kerajaan. Jualan runcit yang meningkat melebihi jangkaan pada bulan Jun, menaik pada kadar yang lebih tinggi iaitu 8.7% berbanding peningkatan sebanyak 5.5% pada bulan Mei.

5.2 Prospek Kelestarian & Iklim

Prospek umum untuk kelestarian dan iklim berkait rapat dengan usaha oleh kerajaan dan sektor swasta dalam memajukan sasaran kelestarian seperti yang digariskan dalam Matlamat Pembangunan Lestari. Di tengah-tengah isu iklim yang semakin meningkat dan perhatian terhadap memastikan peralihan iklim yang adil, tumpuan diberikan kepada pihak berkepentingan utama untuk menyelaraskan strategi dan meningkatkan usaha kolaboratif bagi membolehkan pertumbuhan yang saksama dan mampan.

Landskap Peraturan yang Dinamik dan Berkembang

Dengan persekitaran peraturan yang berkembang dan membentuk keutamaan kelestarian dan iklim, industri dan sektor perlu membentuk rancangan peralihan iklim jangka panjang yang koheren dengan mempertimbangkan pertumbuhan mampan. Keutamaan diberikan kepada pengurusan risiko iklim yang berkesan termasuk analisis senario yang membolehkan sektor kewangan mencari peluang untuk pembiayaan mampan selaras dengan matlamat iklim global.